

CNS9018

U GB 09-09 00165 BA876

bah

KAKITANGAN POS MALAYSIA BERHAK TENTUKAN SENDIRI, KATA PM

Mahathir - Pos

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kakitangan Pos Malaysia berhak menentukan sendiri sama ada mahu membuat sumbangan dalam urusan pembayaran balik kepada pemohon saham MIDFCCS.

Perdana Menteri berkata walaupun pemimpin persatuan dan kesatuan dalam Pos Malaysia telah bersetuju untuk bersama-sama memikul tanggungjawab itu, perkara itu masih terpulang kepada para pegawai dan kakitangan secara individu.

+Kalau pemimpin kesatuan setuju, kakitangan tak setuju, perkara itu masih tak kena,+ katanya kepada pemberita ketika ditemui pada Perhimpunan Sambutan Maulidur Rasul di Dataran Merdeka di sini hari ini.

Pendirian kerajaan ialah kakitangan sendiri berhak menentukannya, kata beliau ketika ditanya mengenai perbincangan beliau dengan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Seri S. Samy Vellu mengenai perkara itu.

Samy Vellu telah meminta pandangan Perdana Menteri berhubung perkara itu kerana ada yang berpendapat bahawa langkah Pos Malaysia itu sebagai tidak adil. -- Lagi

▼09/09/11-50MST

CNS9024

U GB 09-09 00205 BA879

bah

Mahathir - Pos 2 Kuala Lumpur

Antara yang membantah ialah Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek, yang berpendapat langkah itu salah kerana tanggungjawab itu harus dipikul oleh Pos Malaysia sendiri.

Pengerusi Eksekutif Pos Malaysia, Tan Sri Zainol Mahmood, ketika mengumumkan perkara itu, berkata semua persatuan dan kesatuan dalam perbadanan itu setuju secara sukarela untuk membayar separuh daripada \$381,000, atas semangat perpaduan dan berkongsi tanggungjawab.

Zainol juga berkata kakitangan yang tidak mahu membayar tidak akan dikenakan tindakan.

Mengikut arahan Kementerian Kewangan, Pos Malaysia dan MIDFCCS masing-masing akan membayar 30 peratus daripada kerugian berjumlah \$1.27 juta akibat kehilangan cek-cek yang dikembalikan kepada pemohon saham yang tidak berjaya. Baki 40 peratus akan ditanggung bersama oleh bank-bank yang terhabit.

Dr Mahathir juga berkata kakitangan Pos Malaysia, yang berjumlah lebih 11,000 orang tidak harus dikenakan satu kadar yang tetap dalam urusan itu.

+Terpulang kepada mereka. (Tetapi) kalau mereka setuju dengan kadar yang ditetapkan oleh kesatuan, tak apalah,+ katanya.

Kesatuan-kesatuan telah menetapkan supaya kerani yang bergaji kurang daripada \$1,000 membayar \$10, dan bagi kerani yang bergaji lebih \$1,000, kadarnya ialah \$20. Posman pula akan membayar \$20 manakala para pegawai lain berdasarkan gaji masing-masing. -- Lagi

▼09/09/12-18MST

U GB 09-09 00130 BA884

bah

Mahathir - Pos 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir memuji kakitangan Pos Malaysia kerana memperlihatkan sikap tanggungjawab untuk bersama-sama dengan Pos Malaysia, jabatan yang diperbadankan pada 1 Januari lepas dalam program penswastaaan kerajaan.

+Kita anggap ini sebagai satu perbuatan yang harus dipuji dan menunjukkan betapa mereka bertanggungjawab. Ini merupakan titik permulaan yang baik pada Pos Malaysia,+ katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Maulidur Rasul, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, turut memuji kakitangan Pos Malaysia ketika berucap pada perhimpunan, yang dihadiri oleh kira 16,000 orang.

Beliau menyifatkan tindakan mereka itu sebagai terpuji kerana bersedia berkorban untuk menebus maruah perbadanan itu.

Zainol, ketika ditemui pada majlis itu, merakamkan perasaan terharu dengan pujian itu dan menyifatkannya sebagai +satu penghormatan paling tinggi+. -- Lagi

▼09/09/12-41MST . .

CNS9032

U GB 09-09 00087 BA885

bah

Mahathir - Pos 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengulas kenyataan Perdana Menteri, Zainol berkata Pos Malaysia tidak akan menetapkan sebarang kadar khusus untuk kakitangan dan pegawai bagi memberi sumbangan masing-masing.

+Ini adalah sukarela. Kalau mereka ingin membuat sumbangan lebih besar, lagi baik,+ katanya.

Zainol juga berkata beliau telahpun menjelaskan kepada Menteri Sumber Manusia mengenai perkara itu.

Katanya, Lim kini faham bahawa urusan itu adalah bersifat sukarela dan menteri itu berpuas hati dengan penjelasan itu. -- Bernama

▼09/09/12-41MST